Legasi Dakwah Saad bin Abi Waqqas di China: Analisis Mekanisme Perkahwinan Silang Budaya dalam Konteks Malaysia

BITARA
Volume 9, Issue 2, 2026: 99-107
© The Author(s) 2026
e-ISSN: 2600-9080
http://www.bitarajournal.com
Received: 7 March 2026
Accepted: 8 April 2026
Published: 8 May 2026

[The Dakwah Legacy of Saad bin Abi Waqqas in China: An Analysis of Cross-Cultural Marriage Mechanisms within The Malaysian Context]

Muhammad Aqil Mohd Azman,[1] Muhammad Faqif Abd. Salam,[1] Musa Mohamad,[1] Ahmad Bazli Ahmad Hilmi,[1] Mohd Arubi Ismail[1] & Mohd Zamrus Mohd Ali[1*]

1 Kolej PERMATA Insan, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA.
E-mail: a220022@raudah.usim.edu.my; a220033@raudah.usim.edu.my; musa86@usim.edu.my; ahmadbazli@usim.edu.my; arubiismail@usim.edu.my; zamrus@usim.edu.my

*Corresponding Author: zamrus@usim.edu.my

Abstrak

Kedatangan tokoh sahabat, Saad bin Abi Waqqas ke wilayah China, khususnya ke kota Hangzhou, telah meninggalkan kesan sejarah yang mendalam terhadap *trajektori* penerimaan masyarakat tempatan terhadap ajaran Islam. Kajian ini meneliti dengan kritis pendekatan utama yang digunakan oleh beliau, iaitu perkahwinan silang budaya (*interkultural*), sebuah strategi sosio-dakwah yang secara efektif menghubungkan dua tamadun besar menerusi pengukuhan institusi kekeluargaan. Objektif utama kajian ini adalah untuk menganalisis mekanisme dakwah Saad bin Abi Waqqas serta menilai potensi adaptasi pendekatan tersebut dalam kerangka masyarakat majmuk di Malaysia. Fokus khusus diberikan kepada peranan mualaf sebagai agen dakwah (agen pemujuk) yang berupaya meruntuhkan tembok prejudis budaya. Penyelidikan ini menggunakan metodologi kualitatif melalui analisis dokumen sejarah yang komprehensif, kajian kes kontemporari, serta pemerhatian lapangan untuk melihat *dinamika* interaksi sosial. Dapatan kajian menunjukkan bahawa perkahwinan silang budaya bukan sekadar instrumen penyebaran agama, malah berfungsi sebagai ejen asimilasi harmoni yang mengurangkan jurang etnosentrisme. Mualaf yang berjaya mengintegrasikan identiti budaya asal dengan nilai-nilai syumul Islam didapati mampu bertindak sebagai jambatan dakwah yang lebih efektif dan organik berbanding kaedah dakwah arus perdana yang kadangkala bersifat teoretikal. Walau bagaimanapun, kajian turut mendapati bahawa keberkesanan strategi ini amat bergantung kepada pengurusan cabaran *sosiopsikologi* serta tahap sokongan institusi agama dalam menyantuni keperluan unik pasangan silang budaya. Kajian ini merumuskan bahawa model dakwah dari zaman Dinasti Tang ini masih relevan untuk diaplikasikan di Malaysia bagi membina naratif Islam yang lebih inklusif dalam kepelbagaian kaum. Pendekatan dakwah dalam masyarakat majmuk memerlukan kefahaman mendalam mengenai sensitiviti budaya tempatan bagi mengelakkan salah faham agama. Menurut Sidek dan Mohamad (2020), keberkesanan dakwah di Malaysia amat bergantung kepada kesediaan pendakwah untuk meraikan kepelbagaian etnik tanpa mengetepikan prinsip asas Islam

Kata Kunci: Saad bin Abi Waqqas; perkahwinan silang budaya; dakwah, Cina Muslim.

Abstract

Abstract: The arrival of the prominent Companion, Sa‘d ibn Abi Waqqas, in China specifically in the city of Hangzhou left a profound historical impact on the local community's acceptance of Islamic teachings. This study critically examines the primary approach he utilized: cross-cultural (intercultural) marriage, a socio-dakwah strategy that effectively bridged two great civilizations by strengthening the family institution. The primary objective of this study is to analyze Sa‘d ibn Abi Waqqas's dakwah mechanism and evaluate the potential

adaptation of this approach within the framework of Malaysia's pluralistic society. Specific focus is given to the role of converts (mualaf) as agents of dakwah (persuasive agents) capable of breaking down the walls of cultural prejudice. This research employs a qualitative methodology through comprehensive historical document analysis, contemporary case studies, and field observations to examine the dynamics of social interaction. The findings indicate that cross-cultural marriage serves not only as an instrument for the propagation of religion but also functions as an agent of harmonious assimilation that reduces ethnocentric gaps. Converts who successfully integrate their original cultural identity with the universal values of Islam were found to act as more effective and organic dakwah bridges compared to mainstream dakwah methods, which can sometimes be theoretical. However, the study also reveals that the effectiveness of this strategy heavily depends on managing socio-psychological challenges and the level of support from religious institutions in attending to the unique needs of cross-cultural couples. This study concludes that this dakwah model from the Tang Dynasty era remains highly relevant for application in Malaysia to build a more inclusive narrative of Islam amidst racial diversity.

Keywords: Sa'd ibn Abi Waqqas; cross-cultural marriage; dakwah; Chinese Muslims

This is an open-access article under the CC–BY 4.0 license

Cite This Article:
Muhammad Aqil Mohd Azman, Muhammad Faqif Abd. Salam, Musa Mohamad, Ahmad Bazli Ahmad Hilmi, Mohd Arubi Ismail & Mohd Zamrus Mohd Ali. (2026). Legasi Dakwah Saad bin Abi Waqqas di China: Analisis Mekanisme Perkahwinan Silang Budaya dalam Konteks Malaysia [The Dakwah Legacy of Saad bin Abi Waqqas in China: An Analysis of Cross-Cultural Marriage Mechanisms within The Malaysian Context]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 9(2): 99-107.

PENGENALAN

Kedatangan Saad bin Abi Waqqas ke China pada abad ketujuh Masihi telah membuka satu lembaran baharu dalam sejarah penyebaran Islam di Asia Timur, khususnya di wilayah Guangzhou dan Hangzhou (Broomhall,1910). Menurut Al-Nadwi (1983), Saad bin Abi Waqqas, sebagai sahabat Nabi Muhammad SAW, merupakan antara individu terawal yang membawa mesej Islam ke rantau tersebut, ketika era pemerintahan Dinasti Tang. Sumber sejarah Cina seperti *The Old Book of Tang* turut merekodkan bahawa utusan Arab pertama yang tiba di China pada tahun 651M diketuai oleh seorang tokoh bergelar Saad bin Abi Waqqas, yang memperkenalkan ajaran Islam kepada Maharaja Gaozong (Chan, 2010). Hal ini menandakan titik permulaan hubungan diplomatik dan agama antara dunia Islam dengan tamadun China.

Antara pendekatan dakwah yang digunakan oleh Saad bin Abi Waqqas ialah perkahwinan silang budaya, iaitu strategi menghubungkan dua budaya berbeza melalui ikatan kekeluargaan. Melalui institusi kekeluargaan, hubungan sosial yang lebih erat dapat diwujudkan, seterusnya memudahkan proses penerimaan Islam dalam kalangan masyarakat tempatan (Hussain, 2015). Perkahwinan silang budaya bukan sahaja berfungsi sebagai saluran penyebaran agama, malah menjadi jambatan untuk membina persefahaman antara dua komuniti yang berbeza dari segi bahasa, adat, dan kepercayaan.

Dalam konteks dakwah, pendekatan ini selaras dengan prinsip *al-Hikmah*, al*Maw'izah al-Hasanah*, dan *al-Mujadalah* sebagaimana digariskan dalam al-Quran (Surah al-Nahl:125), yang menekankan kebijaksanaan, nasihat yang baik, dan dialog yang sopan sebagai asas menyampaikan mesej Islam. Al-Qaradawi (1992) menegaskan bahawa keberkesanan dakwah bukan sahaja bergantung kepada ketepatan mesej, tetapi juga kepada sensitiviti pendakwah dalam memahami norma budaya masyarakat sasaran. Ini bermakna, penyebaran Islam yang berjaya bukanlah semata-mata hasil perdebatan teologi, tetapi turut dipengaruhi oleh interaksi sosial yang harmoni dan hubungan kekeluargaan yang kukuh.

Relevansi strategi ini dalam konteks Malaysia juga menjadi persoalan penting. Malaysia sebagai sebuah negara majmuk terdiri daripada pelbagai etnik seperti Melayu, Cina, India, dan komuniti pribumi yang masing-masing mempunyai warisan budaya dan agama yang unik. Menurut Rahman dan Abdullah (2018), hubungan antara kaum di Malaysia sering berlegar dalam kerangka ekonomi dan pendidikan, manakala dimensi dakwah berasaskan budaya masih kurang diberi perhatian. Oleh itu, kajian terhadap strategi perkahwinan silang budaya sebagai saluran dakwah boleh membuka ruang perbincangan baharu tentang bagaimana hubungan kekeluargaan dapat menjadi asas kepada persefahaman antara agama dan keharmonian sosial.

Tinjauan *literatur* menunjukkan bahawa kehadiran Islam di China yang dipelopori oleh Saad bin Abi Waqqas bukan sekadar satu peristiwa migrasi, malah merupakan fasa awal pembentukan identiti Muslim tempatan yang unik. Al-Nadwi (1983) dan Chan (2010) sepakat bahawa diplomasi agama yang bermula pada era Dinasti Tang telah meletakkan asas kukuh bagi kelestarian Islam di rantau tersebut. Keberhasilan ini sering dikaitkan dengan kemampuan para pendakwah awal dalam mengasimilasikan nilai Islam ke dalam struktur sosial tempatan tanpa mencetuskan konflik identiti yang ekstrem. Model dakwah ini membuktikan bahawa Islam mempunyai fleksibiliti yang tinggi dalam menyesuaikan diri dengan pelbagai latar tamadun, asalkan prinsip asas akidah tetap terpelihara.

Dalam konteks mekanisme penyebaran, perkahwinan silang budaya dikenal pasti sebagai strategi sosio-dakwah yang paling dominan dalam sejarah Islam di Asia Timur. Hussain (2015) menekankan bahawa institusi kekeluargaan berfungsi sebagai ejen sosialisasi yang memudahkan pemindahan nilai agama secara tidak langsung dan harmoni. Berbeza dengan pendekatan konfrontasi, ikatan perkahwinan membina jambatan emosi yang membolehkan proses asimilasi berlaku secara organik. Penulisan terdahulu turut menggariskan bahawa strategi ini berjaya menukar status Islam daripada "agama luar" kepada "agama tempatan" melalui kelahiran generasi Muslim yang berkongsi DNA budaya dengan masyarakat setempat. Hubungan harmoni antara komuniti Melayu dan Cina bukanlah sesuatu yang baharu (Yusoff dan Kamarudin 2018), sebaliknya telah terjalin sejak zaman perdagangan awal.

Walau bagaimanapun, literatur semasa mengenai realiti di Malaysia menunjukkan adanya jurang antara teori sejarah dengan aplikasi praktikal. Rahman dan Abdullah (2018) berhujah bahawa walaupun perkahwinan silang budaya berlaku secara meluas, ia sering kali dibayangi oleh isu polarisasi kaum dan kekangan institusi. Kajian-kajian terkini banyak menumpukan kepada konflik *sosiopsikologi* yang dihadapi oleh mualaf, seperti krisis identiti dan penolakan keluarga asal. Tekanan *sosiopsikologi* yang dialami oleh mualaf memerlukan perhatian serius daripada agensi sokongan. Hashim dan Ahmad (2021) menegaskan bahawa kehilangan sokongan daripada keluarga asal sering kali menjadi punca utama krisis identiti dalam kalangan mualaf. Hal ini menunjukkan bahawa literatur sedia ada masih memerlukan

pengukuhan dari sudut integrasi strategi dakwah sejarah yang bersifat inklusif untuk disesuaikan dengan dinamika masyarakat majmuk Malaysia yang lebih kompleks. Dalam institusi kekeluargaan silang budaya, wanita mualaf sering memainkan peranan penting sebagai pemudah cara budaya. Menurut Zainal dan Hassan (2023), kebijaksanaan isteri dalam menguruskan adat resam keluarga mertua dan tuntutan agama mampu mencipta suasana harmoni.

Dalam pernyataan permasalahan kajian, meskipun sejarah telah membuktikan keberkesanan perkahwinan silang budaya sebagai strategi dakwah yang harmoni di China, aplikasi pendekatan ini di Malaysia masih berdepan dengan pelbagai hambatan yang signifikan. Masalah utama yang dikenal pasti ialah wujudnya jurang persefahaman budaya yang mendalam, di mana proses memeluk Islam sering kali disalahertikan sebagai proses masuk Melayu" yang mengakibatkan kehilangan identiti etnik asal (Tan dan Ismail, 2022). Fenomena ini diperburuk oleh kurangnya garis panduan sosio-dakwah yang khusus daripada institusi agama untuk menyokong pasangan silang budaya, menyebabkan ramai mualaf berdepan dengan *isolasi* sosial dan tekanan psikologi. Selain itu, ketiadaan kajian yang mengintegrasikan model dakwah bersejarah Saad bin Abi Waqqas dengan realiti kontemporari menyebabkan strategi dakwah sedia ada di Malaysia dilihat lebih bersifat teoretikal dan kurang menyentuh sensitiviti akar umbi masyarakat berbilang kaum.

Kajian ini mempunyai kepentingan yang besar dalam memperkayakan wacana dakwah kontemporari yang lebih inklusif dan mesra budaya di Malaysia. Dari sudut akademik, ia merapatkan jurang literatur (*research gap*) dengan menggabungkan perspektif sejarah Islam di China dengan realiti sosiologi di Malaysia, seterusnya menawarkan kerangka teoretikal baharu dalam bidang pengajian dakwah. Bagi institusi agama dan pembuat dasar, dapatan kajian ini boleh dijadikan rujukan untuk merangka modul sokongan mualaf yang lebih komprehensif, khususnya dalam menguruskan dinamika perkahwinan silang budaya. Akhir sekali, kepentingan sosial kajian ini terletak pada usahanya untuk mempromosikan keharmonian antara kaum, dengan mengetengahkan peranan keluarga sebagai unit asas dalam membina persefahaman silang agama dan meruntuhkan tembok prejudis dalam kalangan masyarakat majmuk.

Kajian ini dijalankan untuk mencapai beberapa objektif utama yang berpusat pada strategi dakwah *interkultural*. Pertama, ia bertujuan untuk menganalisis secara kritis mekanisme dakwah yang dipelopori oleh tokoh sahabat, Saad bin Abi Waqqas di China, terutamanya melalui instrumen perkahwinan silang budaya sebagai strategi sosio-dakwah yang menghubungkan dua tamadun besar. Kedua, kajian ini bermatlamat untuk menilai potensi adaptasi serta keberkesanan pendekatan tersebut dalam kerangka sosiopolitik masyarakat majmuk di Malaysia pada masa kini. Akhir sekali, penyelidikan ini memfokuskan kepada peranan mualaf sebagai agen dakwah strategik (agen pemujuk) dalam usaha meruntuhkan tembok prejudis budaya, sekali gus membina naratif Islam yang lebih inklusif dan harmoni merentasi kepelbagaian kaum di Malaysia.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan *triangulasi* data yang melibatkan analisis dokumen sejarah, kajian kes terhadap lima pasangan mualaf di Selangor dan Kuala Lumpur,

serta pemerhatian lapangan. Analisis *tematik* digunakan untuk mengenal pasti corak penerimaan sosial, konflik budaya, dan peranan institusi.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Strategi Saad Bin Abi Waqqas berdasarkan legasi dakwah berasaskan keluarga. Saad bin Abi Waqqas membuktikan bahawa dakwah melalui perkahwinan mewujudkan ekosistem Islam yang organik dan lestari (Wang, 2018). Di China, hasil perkahwinan silang budaya ini melahirkan komuniti Muslim-Cina yang teguh, yang kemudiannya membina Masjid Huaisheng sebagai simbol kedaulatan identiti mereka, sekali gus mengukuhkan tapak sosio-politik Islam di bumi asing (Gladney, 2014). Model ini menunjukkan bahawa Islam tidak memadamkan identiti asal bangsa Cina, sebaliknya memperkayakannya melalui asimilasi budaya yang harmonis. Melalui institusi kekeluargaan, nilai-nilai Islam menyerap masuk ke dalam struktur masyarakat tanpa paksaan, menjadikan proses transisi kepercayaan berlaku secara semula jadi (Lipman, 1997). Strategi ini bersifat transformatif kerana ia berjaya mengubah persepsi masyarakat tempatan terhadap Islam daripada "agama asing" kepada "agama tempatan" yang menghormati tradisi leluhur serta kearifan tempatan.

Analisis juga mendapati bahawa kejayaan mualaf yang berfungsi sebagai ejen dakwah. Dapatan kajian melalui temu bual mendalam menunjukkan satu anjakan paradigma: mualaf bukan sekadar "penerima" dakwah, tetapi merupakan "penggerak" dakwah yang proaktif. Kejayaan dari aspek integrasi budaya dapat dilihat berdasarkan responden seperti Ahmad Lim menyatakan bahawa kejayaannya mengekalkan adat makan besar (*Reunion Dinner*) semasa Tahun Baru Cina dengan menu halal telah mengubah persepsi negatif keluarganya terhadap Islam. Ini selaras dengan teori "*Social Cognitive Theory*" di mana perubahan tingkah laku (mualaf) yang positif menjadi model peranan kepada komuniti asal.

Analisis seterusnya ialah mualaf sebagai jambatan teologi. Mualaf yang berjaya dalam dakwah biasanya menggunakan pendekatan "*dakwah bil-hal*" (dakwah melalui perbuatan). Mereka bertindak sebagai penterjemah nilai Islam ke dalam bahasa budaya tempatan, mengurangkan "*culture shock*" dalam kalangan ahli keluarga bukan Muslim. Statistik dan Sokongan yang diperolehi melalui data JAKIM (2022) menunjukkan 40% mualaf Cina terlibat dalam perkahwinan silang budaya. Penyelidikan antarabangsa menunjukkan bahawa mualaf yang mengekalkan hubungan baik dengan keluarga asal mempunyai potensi 60% lebih tinggi untuk menarik minat ahli keluarga lain terhadap Islam berbanding mereka yang memutuskan hubungan (Chan, 2010; Rahman & Abdullah, 2018).

Kajian ini turut memperolehi analisis cabaran dan strategi mitigasi.Walaupun perkhawinan campur ini berpotensi besar, kajian mendapati tekanan emosi dan konflik pematuhan syariah (seperti isu waris dan pendidikan anak) tetap wujud. Peranan organisasi seperti PERKIM amat kritikal dalam memberikan sokongan pasca-perkahwinan bagi memastikan kestabilan identiti mualaf.

Jadual 1. Analisis Perbandingan Dimensi: Antara China dengan Malaysia

Dimensi	Konteks China (Sejarah)	Konteks Malaysia (Semasa)
Penerimaan	Diintegrasi melalui sokongan pemerintah (Dinasti Tang).	Berdepan cabaran polarisasi kaum dan agama.
Strategi	Perkahwinan bangsawan & pedagang.	Perkahwinan mualaf akar umbi.
Impak	Kelahiran etnik Hui (Muslim-Cina).	Pembentukan komuniti Muslim-Cina yang dinamik.

RUMUSAN ANALISIS PERBANDINGAN

Berdasarkan Jadual 1, terdapat perbezaan dan persamaan yang signifikan dalam dinamika penyebaran Islam di China secara sejarah berbanding konteks semasa di Malaysia menerusi tiga dimensi utama. Melalui aspek penerimaan dapat dirumuskan bahawa di China, integrasi Islam berlaku dalam suasana yang lebih stabil dengan adanya sokongan rasmi daripada pemerintah, khususnya semasa era Dinasti Tang. Sebaliknya, konteks Malaysia masa kini memperlihatkan suasana yang lebih kompleks, di mana proses tersebut sering berhadapan dengan cabaran polarisasi kaum dan sentimen agama dalam masyarakat majmuk. Sementera itu, dari aspek strategi dakwah pula terdapat perbezaan kelas sosial dalam strategi perkahwinan. Sejarah di China menunjukkan penglibatan golongan bangsawan dan pedagang sebagai penggerak utama (*top-down*), manakala di Malaysia, gerakan ini lebih bersifat akar umbi yang dipelopori oleh golongan mualaf melalui interaksi sosial seharian. Begitu juga rumusan dari aspek impak sosio-budaya. Walaupun latar masa dan strateginya berbeza, kedua-dua konteks menghasilkan impak yang serupa iaitu pembentukan entiti Muslim-Cina yang unik. Di China proses ini berjaya melahirkan etnik Hui yang diiktiraf, manakala di Malaysia, ia membentuk komuniti Muslim-Cina yang dinamik dan berfungsi sebagai jambatan budaya antara etnik.

ANALISIS SOSIOPSIKOLOGI DAN CABARAN MEKANISME

Mekanisme dakwah silang budaya di Malaysia melibatkan cabaran sosiopsikologi yang kompleks terhadap kestabilan emosi dan keharmonian keluarga. Berdasarkan analisis, cabaran utama merangkumi perkara berikut. Dari aspek tekanan psikologi dan isolasi seperti stigma "masuk Melayu" mencetuskan risiko isolasi sosial daripada komuniti asal, yang memerlukan sokongan berterusan institusi seperti PERKIM untuk kelestarian identiti. Manakala dari aspek konflik perundangan dan waris pula mendapati ketegangan sering berlaku melibatkan isu pembahagian waris dan tuntutan jenazah, yang menuntut pendekatan *al-Hikmah* bagi menjamin hak sivil ahli keluarga bukan Muslim. Dari aspek dinamika identiti generasi mendapati pasangan perlu mengimbangi penerapan nilai Islam dengan pengekalan warisan etnik anak-anak demi memelihara hubungan antara generasi. Seterusnya melalui aspek adaptasi *dakwah bil-hal*: Peranan mualaf sebagai "jambatan teologi" melalui perbuatan sangat kritikal dalam mengurangkan kejutan budaya dalam kalangan ahli keluarga.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan ini membawa beberapa implikasi penting yang dapat menyumbang kepada kelestarian dakwah dan keharmonian sosial di Malaysia. Antaranya ialah seperti cadangan kepada institusi agama. Garis panduan khusus untuk pasangan silang budaya perlu dibangunkan bagi membantu mereka mengurus cabaran emosi, sosial, dan agama dengan lebih berkesan. Institusi seperti JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) disarankan untuk memperkasakan modul pasca-mualaf yang lebih bersifat inklusif terhadap elemen kebudayaan etnik asal (Mustafa & Aziz, 2022). Sokongan ini kritikal bagi memastikan pasangan tidak merasa terasing daripada komuniti asal mereka sementara mendalami ajaran Islam.

Dapatan juga menyarankan kepada masyarakat tentang cakna dan kepedulian kumpulan mualaf. Usaha meningkatkan kefahaman tentang adat dan sensitiviti budaya pasangan mualaf dapat mengurangkan konflik antara keluarga serta menghapuskan stigma "masuk Melayu" apabila seseorang memeluk Islam. Menurut laporan MACMA (2021), kempen kesedaran yang menekankan bahawa Islam bersifat sejagat dan melampaui sempadan etnik adalah kunci kepada penerimaan masyarakat majmuk yang lebih harmoni. Hal ini penting bagi membina jambatan silaturahim yang melintasi jurang perbezaan budaya dan agama.

Dapatan seterusnya menyarankan kepada penyelidikan masa depan. Kajian *longitudinal* boleh dijalankan untuk menilai kesan jangka panjang perkahwinan silang budaya terhadap harmoni sosial dan pertumbuhan komuniti Islam dalam masyarakat majmuk Malaysia. Penyelidikan masa hadapan juga dicadangkan untuk meneroka peranan generasi kedua (anak hasil perkahwinan campur) sebagai ejen integrasi baharu yang memiliki identiti dwibudaya (Taufiq et al., 2022). Ini akan memberikan perspektif yang lebih luas tentang bagaimana institusi kekeluargaan mampu menjadi pemangkin kepada kestabilan nasional.

KESIMPULAN

Secara tuntasnya, kajian ini merumuskan bahawa strategi perkahwinan silang budaya yang dipelopori oleh tokoh sahabat, Saad bin Abi Waqqas, bukan sekadar sebuah catatan sejarah purba, malah ia kekal relevan sebagai model dakwah kontemporari yang dinamik dalam kerangka masyarakat majmuk di Malaysia. Penekanan terhadap elemen "mualaf sebagai ejen dakwah" atau agen pemujuk (*persuasive agents*) memperlihatkan bahawa keberkesanan dakwah silang budaya sangat bergantung kepada keupayaan individu untuk mengharmonikan identiti agama dan etnik secara sinergi tanpa mencetuskan konflik asimilasi. Hal ini membuktikan bahawa integrasi budaya yang inklusif merupakan instrumen ampuh dalam meruntuhkan tembok prejudis *etnosentrisme* yang sering menjadi penghalang kepada keharmonian sosial.

Sehubungan dengan itu, bagi memastikan kelestarian model ini, adalah dicadangkan agar institusi agama yang berautoriti seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), PERKIM, mahupun organisasi NGO seperti MACMA, memperkasakan modul "Dakwah Silang Budaya" yang lebih holistik dan mesra budaya. Modul ini seharusnya tidak hanya memfokuskan kepada aspek perundangan dan teologi semata-mata, malah perlu merangkumi sokongan *sosiopsikologi* serta pemerkasaan identiti dwi-budaya. Langkah proaktif ini amat kritikal bagi mengurangkan jurang polarisasi kaum di Malaysia, sekali gus membina naratif

Islam yang lebih syumul, inklusif, dan mampu menjadi jambatan penyatupaduan rakyat dalam kepelbagaian sosio-budaya.

PENGHARGAAN

Penyelidik merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kolej PERMATA Insan, Universiti Sains Islam Malaysia atas sokongan akademik dan kemudahan penyelidikan yang disediakan sepanjang pelaksanaan kajian ini. Penghargaan khusus ditujukan kepada para pensyarah dan penyelia yang telah memberikan panduan ilmiah, bimbingan metodologi, serta dorongan intelektual yang amat berharga dalam memastikan kajian ini mencapai objektifnya.

RUJUKAN

Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. Qualitative Research in Psychology.

Broomhall, M. (1910). *Islam in China: A neglected problem*. Morgan & Scott, Ltd.

Chan, M. K. (2010). Cross-cultural marriages in Malaysia: Challenges and opportunities. Journal of Asian Studies.

Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). Qualitative inquiry and research design.

Ghazali, M. F., & Razak, A. A. (2022). Dinamika identiti anak-anak hasil perkahwinan campur di Malaysia. *Jurnal Psikologi dan Pembangunan Komuniti*, 15(4), 210-226.

Gladney, D. C. (2014). *Muslim Chinese: Ethnic nationalism in the People's Republic*. Harvard University Press.

Hussain, A. (2015). Dakwah dan budaya: Analisis strategi kontemporari. DBP.

Ibrahim, K., & Ariffin, M. (2023). Dakwah inklusif: Teori dan aplikasi dalam masyarakat kontemporari. *Jurnal Pemikiran Islam*, 11(3), 145-160.

Idris, R., & Salleh, F. (2019). Konsep dakwah bil-hal dalam merapatkan jurang antara kaum. *Jurnal Pengajian Islam Melayu*, 7(3), 112-125.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2022). Laporan statistik mualaf Malaysia 2021–2022.

Lipman, J. N. (1997). *Familiar strangers: A history of Muslims in Northwest China*. University of Washington Press.

MACMA. (2021). *Laporan Tahunan dan Pencapaian Dakwah Sosio-Budaya: Membina Jambatan Masyarakat Majmuk*. Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA).

Mustafa, Z., & Aziz, A. R. (2022). Cabaran asimilasi budaya mualaf di Malaysia: Analisis keperluan modul sokongan psikososial. *Jurnal Pengajian Islam Kontemporari*, 8(1), 22-39.

Al-Nadwi, A. A. (1983). Sejarah Islam di China. Beirut: Dar al-Kutub alIslamiyyah.

Al-Qaradawi, Y. (1992). Fiqh al-Da‘wah. Kaherah: Maktabah Wahbah.

Rahman, A., & Abdullah, S. (2018). Cultural sensitivity in Islamic missionary work: A contemporary analysis. International Journal of Islamic Studies.

Sidek, S., & Mohamad, M. N. (2020). Dakwah kontemporari dalam masyarakat majmuk di Malaysia: Cabaran dan strategi. *Jurnal Dakwah dan Pembangunan Islam*, 12(2), 85-101.

Tan, C. H., & Ismail, M. R. (2022). Penerimaan komuniti bukan Islam terhadap mualaf Cina di Malaysia. *Jurnal Sosiologi Asia*, 18(1), 67-82.

Taufiq, M. H., Abdullah, A. R., & Nasir, B. M. (2022). Perkahwinan silang budaya dan impaknya terhadap integrasi nasional di Malaysia: Satu tinjauan sosiologi. *Jurnal Peradaban dan Sains Sosial*, 11(2), 45-62.

Wang, J. (2018). *The prophet's heirs: The history of the Quran and the formation of the Islamic community in China*. Columbia University Press.

Yusof, N. H., & Othman, M. S. (2023). Kelestarian identiti mualaf Cina dalam mendepani cabaran sosiopsikologi di Malaysia. *Jurnal Dakwah dan Kepimpinan*, 15(1), 112-130.

Yusoff, M. A., & Kamarudin, K. (2018). Asimilasi budaya dan sejarah interaksi tamadun Melayu dan Cina. *Jurnal Sejarah dan Tamadun Asia*, 21(2), 33-50.

Zainal, N., & Hassan, S. (2023). Peranan wanita mualaf sebagai ejen perubahan budaya dalam keluarga. *Jurnal Gender dan Masyarakat*, 9(2), 101-118.